

Date: 19 December 2025

TO ALL OUR VALUED CUSTOMERS & PORT USERS,

NOTIFICATION ON NORTHPORT'S PORT RECEPTION FACILITIES (PRF) SERVICES

Northport wishes to inform all customers and port users that Port Reception Facilities (PRF) are available within the port to support proper and compliant management of waste. The PRF is equipped and authorised to receive and handle both land-generated and vessel-generated waste in accordance with applicable environmental regulations and port requirements.

The PRF services include, but are not limited to, the handling, temporary storage and disposal coordination of the following waste categories:

- Operational waste generated from port activities and maintenance works;
- General waste and recyclable materials;
- Scheduled waste from equipment, machinery and facilities; and
- Waste generated from vessels calling at Northport, including oily waste, sludge, bilge water, sewage, garbage and other MARPOL-related waste streams.

Northport encourages all customers, ship owners, agents, port users and port-based contractors to utilise the designated PRF where they require waste management services, and reminds all parties to ensure that waste is managed in compliance with applicable environmental legislation and international maritime standards. This supports Northport's efforts to maintain a clean, safe and environmentally responsible operating environment.

For enquiries or arrangements related to PRF services, please contact:

Health, Safety and Environment Department

Email address: prf@northport.com.my / hse@northport.com.my

Tel. No.: 03-3169-8888

Your cooperation is appreciated in supporting responsible and compliant waste management across Northport's operational areas.

Thank you.

Yours Sincerely,

NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



NIK MUZANI NIK ABDUL AZIZ

Acting Chief Executive Officer

Tarikh: 19 Disember 2025

KEPADA SEMUA PELANGGAN DAN PENGGUNA PELABUHAN YANG DIHARGAI,

NOTIFIKASI BERKAITAN PERKHIDMATAN PORT RECEPTION FACILITIES (PRF) NORTHPORT

Northport ingin memaklumkan kepada semua pelanggan dan pengguna pelabuhan bahawa *Port Reception Facilities* (PRF) tersedia di kawasan pelabuhan bagi menyokong pengurusan sisa buangan yang betul dan mematuhi peraturan. PRF ini dilengkapi dan diberi kuasa untuk menerima serta mengendalikan sisa buangan yang dihasilkan dari aktiviti darat mahupun kapal, selaras dengan peraturan alam sekitar dan keperluan pelabuhan yang berkaitan.

Perkhidmatan PRF ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, pengendalian, penyimpanan sementara dan koordinasi pelupusan bagi kategori sisa berikut:

- Sisa operasi daripada aktiviti pelabuhan dan kerja-kerja penyelenggaraan;
- Sisa am dan bahan kitar semula;
- Sisa terjadual daripada peralatan, jentera dan kemudahan; dan
- Sisa yang dihasilkan daripada kapal yang berlabuh di Northport, termasuk sisa berminyak, sisa enap cemar (*sludge*), air lambung (*bilge water*), kumbahan, sampah serta aliran sisa lain yang berkaitan dengan MARPOL.

Northport menggalakkan semua pelanggan, pemilik kapal, ejen, pengguna pelabuhan dan kontraktor di kawasan pelabuhan untuk menggunakan PRF yang disediakan apabila memerlukan perkhidmatan pengurusan sisa buangan, dan mengingatkan semua pihak untuk memastikan sisa buangan diuruskan dengan mematuhi perundangan alam sekitar yang berkenaan dan piawaian maritim antarabangsa. Ini menyokong usaha Northport untuk mengekalkan persekitaran operasi yang bersih, selamat dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Untuk sebarang pertanyaan atau pengaturan berkaitan perkhidmatan PRF, sila hubungi:

Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE)

Alamat Emel: prf@northport.com.my / hse@northport.com.my

No. Tel.: 03-3169-8888

Kerjasama anda amat dihargai dalam menyokong pengurusan sisa yang bertanggungjawab dan mematuhi peraturan di kawasan operasi Northport.

Sekian, terima kasih.

Saya Yang Menjalankan Amanah,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



NIK MUZANI NIK ABDUL AZIZ

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif